

20/09/2000

Konvensyen peranan media di Shah Alam

SHAH ALAM, Selasa - Konvensyen antarabangsa yang membincangkan peranan media di negara ahli Pergerakan Negara Berkecuali (Nam) akan diadakan pada 21 dan 22 September ini di Hotel Blue Wave, Shah Alam, dekat sini.

Kira-kira 400 penggiat media mewakili hampir semua 101 ahli Nam termasuk dari beberapa badan kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di negara ini dijangka mengambil bahagian.

Konvensyen dua hari itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Belia Pelajar Berkecuali (Nasyo) Pusat Asia Timur, Persatuan Wartawan Melayu (PWM) dan Kerajaan Negeri Selangor.

Tujuh kertas kerja akan dibentang dengan kerjasama Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya dan Jabatan Komunikasi, Universiti Islam Antarabangsa di konvensyen itu.

Pengerusi Penganjur konvensyen, Datuk Mahadzir Mohd Khir, berkata ucapan pembukaan akan diberikan Presiden Nasyo, Subodh Kant Sahai, manakala pelancaran dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Mahadzir, yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan berkata, acara itu akan ditutup Menteri Besar Selangor, Datuk Dr Mohamad Khir Toyo pada hari Jumaat.

Presiden PWM, Che Yazid Othman, berkata beberapa resolusi penting dijangka diluluskan menjelang penghujung konvensyen itu, bertujuan mewujudkan media bebas, efisien, tidak bergantung kepada mana-mana pihak dan diyakini di negara-negara Nam.

Katanya, alaf baru menjanjikan keharmonian global dan keamanan untuk semua dan bukan hanya terhad kepada kuasa besar, justeru mendorong PWM dan Nasyo mengadakan konvensyen itu.

"Di konvensyen itu, kami akan menilai peranan penggiat media di negara-negara Nam mengendali jentera itu bagi memastikan berita disalurkan kepada orang ramai tepat, cepat dan berkesan," katanya.

(END)